



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMG 212 – GEOGRAFI FIZIKAL

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Bincangkan tentang proses-proses yang berlaku di lapisan troposfera dan kepentingannya terhadap perubahan cuaca dan iklim sedunia.
(25 markah)
2. Terangkan tentang struktur bumi dan jelaskan peranan setiap lapisan dalam membentuk satu sistem bumi yang lengkap dan dinamik.
(25 markah)
3. Sebuah bandar yang terletak berhampiran dengan lautan yang luas akan mempunyai iklim yang lebih sederhana (*milder climate*) daripada sebuah bandar yang terletak di pedalaman. Jelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan ini.
(25 markah)
4. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu, bincangkan tentang proses hakisan, pengangkutan dan pemendapan oleh tindakan air laut.
(25 markah)
5. “Sempadan plat adalah zon di mana kerak bumi dibina dan dimusnahkan”. Analisis pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh daripada Teori Plat Tektonik.
(25 markah)
6. Jelaskan pembentukan dan ciri-ciri penting yang terdapat pada batuan enapan/mendak.
(25 markah)